

**AUGUST 8, 2018**  
**MEDIA RELEASE**  
**FOR PUBLICATION**



## **PETRON CHAMPIONS ROAD SAFETY IN PUBLIC UNIVERSITIES NATIONWIDE**

**KUALA LUMPUR** – Petron, one of the leading oil companies in Malaysia, embarks on its 5<sup>th</sup> year of raising awareness on road safety particularly among the youth.

Working closely with its long-term partner, Malaysia Road Safety Department (JKJR), Petron will bring its Road Safety Program to seven local universities, targeting to improve the road safety practises of 5,000 students.

“We are pleased to bring our Road Safety program, our biggest and longest running advocacy, to more universities together with the Malaysia Road Safety Department. Our objective is to educate and inculcate good driving habits and important road safety skills especially among the younger generations,” said Petron Head for Corporate Safety, Security, Health and Environment Lokman Hani.

Offering a new way to learn proper road safety habits, Petron launched an ‘Amazing Race Game’ at Universiti Teknologi Malaysia, officiated by the Deputy Director General of Malaysia Road Safety Department YBhg Datuk Roslan Bin Eusoff. An overwhelming 843 students from UTMSPACE participated in the first leg of the program.

“Road Safety is and has always been, a key priority for the Ministry of Transport and this commitment is underpinned by the introduction of Malaysia’s Road Safety Plan 2014 – 2020 that focuses on five (5) Strategic Pillars. It is in line with global efforts through the United Nation’s Decade of Actions for Road Safety 2011 -2020 with the goal of reducing forecast level of road accident fatalities by 50% by the year 2020.

“Malaysia has recorded an average of 6,800 deaths due to road traffic accidents annually for the past 10 years. Although the number was reduced from 7,152 deaths in 2016 to 6,740 deaths in 2017, much still need to be done. Study has shown that the main cause of road accidents was attributed by the bad attitude of our drivers.

“Proud to become Petron’s strategic partner in promoting road safety throughout the nation, JKJR believes that Petron Road Safety Program can cultivate students to adhere to the rules and regulations on the road whilst becoming more competent and knowledgeable in road safety,”

said Malaysia Road Safety Department Deputy Director General Datuk Roslan Bin Eusoff at the launch of the program today.

This year, Petron Road Safety program tackles road safety in a fun, exciting and interactive manner. Teams compete in an ‘Amazing Race’ challenge as they raced through four ‘road safety pit stop’ ranging from answering road safety quizzes, identifying faulty tyres, interpreting road safety signage, and completing parking tests including a motorbike maneuvering challenge. The first three teams with the correct answers in the shortest time will win the race.

“We are thrilled to introduce this new approach, which goes beyond just classroom learning. Through this, we believe that we will be able to reach more students and effectively teach them how to have safer journeys, prevent accidents and ultimately save more lives,” Lokman added.

“UTMSPACE and UTM Holdings Sdn Bhd are truly honored for the opportunity given to host and engage road safety awareness with our students since 2017. The concept of Corporate Social Responsibility campaign emphasizes on road safety ensures positive and social effects. Being a program partner will genuinely help to deliver public value outcome by focusing on how we can make a difference in the community,” said UTMSPACE Chief Executive Officer and Managing Director Professor Ir. Dr Mohd Azraai Kassim.

Petron’s Road Safety partners - Malaysia Road Safety Department, Road Transport Department, Honda Malaysia, and tyre expert Michelin - joined Petron in its effort to communicate and impart its road safety advocacy. The event also featured Nestle’s brands; Maggi and Nescafe adding more fun and excitement to the race event.

“Michelin has always been a strong advocate for safety – we place the upmost priority to ensure that our tyres are the safest on the road, in all conditions. We are very pleased to be a part of this program as it is not only in line with our own road safety campaign, but it gives us the opportunity to raise awareness to the university students in particular, that tyres are an essential part of road safety,” shared Mr. Duy Pham, Marketing Manager, Michelin Malaysia.

Petron also opened the Amazing Race challenge to 43 members of the media, taking them through the exciting game.

Besides UTMSPACE, Petron will visit Universiti Malaysia Pahang, Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu, Universiti Selangor, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Tenaga Nasional and Universiti Teknologi Malaysia Skudai from September through December.

Last year, Petron Road Safety Program reached 4,665 university students from seven universities around Malaysia. Since its launch in 2014, the program has reached about 8,000 students from various local universities.

"We are inspired to reach more students to promote good road safety practises. We attribute the long-running success of our program to our strong partnership with the Malaysia Road Safety Department, participating universities, and road partners in sharing proper road ethics and responsible driving with students," continued Lokman.

Petron's Road Safety Program is aligned with the objectives of the United Nations Decade of Action for Road Safety 2011-2020, a global advocacy that promotes safe driving through strict observance of traffic laws, use of seatbelts, wearing of proper helmet for motorcyclists, among others.

(ends)

About Petron Malaysia

Petron Malaysia is a leading company in Malaysia's downstream oil market. Its 88,000 barrel-per-day Port Dickson Refinery produces a wide variety of world-class fuels which is distributed through 8 terminals strategically located across the country. Through more than 600 stations nationwide, it retails premium fuels namely Blaze 100 Euro 4M, Blaze 97 Euro 4M, Blaze 95, Turbo Diesel Euro 5 and Diesel Max. Petron is committed to its vision to be the leading provider of total customer solutions in the oil sector and allied businesses. Please visit [petron.com.my](http://petron.com.my).

Media contact: Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd's Corporate Affairs Dept.; Suraya Haris Ong at +603-2082 8652 / 012-3680346 or email at [suraya.haris@petron.com.my](mailto:suraya.haris@petron.com.my).



**8 OGOS 2018**  
**SIARAN AKHBAR**

**PETRON MEMACU KESELAMATAN JALAN RAYA  
DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**

KUALA LUMPUR – Petron, salah satu daripada syarikat minyak terkemuka di Malaysia, melancarkan program kesedaran keselamatan jalan raya tahun ke-5 dalam meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya di kalangan belia.

Bekerja rapat dengan rakan kongsi jangka panjangnya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Petron akan membawa Program Keselamatan Jalan Raya ke tujuh universiti tempatan, bagi meningkatkan amalan keselamatan jalan raya kepada sasaran seramai 5,000 pelajar.

“Kami dengan suacitanya membawa program Keselamatan Jalan Raya, advokasi kami yang terbesar dan paling lama, kepada lebih banyak universiti di Malaysia bersama dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia. Objektif kami ialah untuk mendidik dan menyemai cara pemanduan yang baik dan kemahiran keselamatan jalan raya yang penting kepada orang ramai, terutamanya di kalangan generasi muda,” kata Ketua Keselamatan, Sekuriti, Kesihatan dan Alam Sekitar Korporat Petron, Lokman Hani.

Menawarkan cara baharu untuk mempelajari tabiat keselamatan jalan raya yang betul, Petron melancarkan ‘Cabaran Amazing Race’ di Universiti Teknologi Malaysia yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, YBhg Datuk Roslan Bin Eusoff. Seramai 843 pelajar UTMSPACE mengambil bahagian dalam cabaran tersebut.

“Keselamatan Jalan Raya adalah dan selalu menjadi prioriti utama Kementerian Pengangkutan dan komitmen ini disokong dengan pengenalan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 yang memberi tumpuan kepada lima (5) Strategik Teras. Ini adalah selaras dengan usaha global melalui *United Nations Decade of Action for Road Safety 2011-2020* dengan matlamat mengurangkan tahap ramalan kemalangan jalan raya sebanyak 50% menjelang tahun 2020.

“Malaysia telah mencatatkan purata 6,800 kematian akibat kemalangan jalan raya setiap tahun sejak 10 tahun yang lalu. Walaupun jumlah itu dikurangkan daripada 7,152 kematian pada 2016 kepada 6,740 kematian pada 2017, masih banyak yang perlu dilakukan. Kajian telah menunjukkan bahawa punca utama kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh sikap buruk pemandu-pemandu.

“Sebagai rakan kongsi strategik Petron, JKJR berbesar hati untuk mempromosikan keselamatan jalan raya di seluruh negara dan kami percaya bahawa Program Keselamatan Jalan Raya Petron dapat memupuk pelajar untuk mematuhi peraturan di jalan raya sementara menjadi pengguna keselamatan jalan raya yang lebih kompeten dan berpengetahuan,” kata Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia Datuk Roslan Eusoff pada pelancaran program hari ini.

Tahun ini, Program Keselamatan Jalan Raya Petron menggunakan pendekatan yang menyeronokkan, menarik dan interaktif. Pasukan perlu bersaing dalam perlumbaan ‘*Amazing Race*’ untuk menyelesaikan empat ‘pit stop’ keselamatan jalan raya’ yang terdiri daripada kuiz keselamatan jalan raya, pengenalpastian tayar yang rosak, pentafsiran papan tanda keselamatan jalan raya, dan penyelesaian ujian tempat letak kereta termasuk cabaran manuver motosikal. Tiga pasukan pertama yang menjawab dengan tepat dalam masa paling singkat akan memenangi cabaran.

“Kami teruja untuk memperkenalkan pendekatan baharu ini, yang melangkaui pembelajaran dalam kelas. Melalui cabaran ini, kami percaya kami dapat menjangkau lebih ramai pelajar dan mengajar mereka untuk memastikan perjalanan di atas jalan raya lebih selamat, mencegah kemalangan dan akhirnya, menyelamatkan lebih banyak nyawa secara efektif,” tambah Lokman.

“UTMSPACE dan UTM Holdings Sdn Bhd sangat teruja kerana diberikan peluang untuk menjadi tuan rumah dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya kepada pelajar-pelajar kami sejak tahun 2017. Konsep Kempen Tanggungjawab Sosial Korporat yang menekankan keselamatan jalan raya memberi impak positif dan sosial. Sebagai rakan kongsi program ia akan benar-benar membantu untuk menyampaikan nilai murni kepada orang awam dengan memberi tumpuan kepada bagaimana kita dapat menyumbang kembali kepada komuniti,” kata Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE Prof. Ir. Dr Mohd Azraai Kassim.

Rakan kongsi Keselamatan Jalan Raya Petron - Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Honda Malaysia, dan pakar tayar Michelin - menyertai Petron dalam usaha untuk menyampai dan menyebarkan komunikasi advokasi keselamatan jalan raya. Acara itu turut disertai jenama Nestle; Maggi dan Nescafe yang menambah kemeriah dan keseronokan kepada acara perlumbaan.

“Michelin sentiasa menjadi penyokong kuat untuk keselamatan - kami meletakkan keutamaan paling tinggi untuk memastikan bahawa tayar kami adalah yang paling selamat di jalan raya,

dalam semua keadaan. Kami sangat berbesar hati untuk menjadi sebahagian daripada program ini kerana ia bukan sahaja sejarah dengan kempen keselamatan jalan raya kami sendiri, tetapi memberi kami peluang untuk meningkatkan kesedaran kepada pelajar universiti khususnya, bahawa tayar adalah sebahagian penting dari keselamatan jalan raya," kata Encik Duy Pham, Pengurus Pemasaran, Michelin Malaysia.

Petron juga membuka Cabaran *Amazing Race* kepada 43 media untuk melalui permainan yang menyeronokkan.

Selain UTMSPACE, Petron akan mengunjungi Universiti Malaysia Pahang, Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu, Universiti Selangor, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor dari September sehingga Disember.

Tahun lepas, Program Keselamatan Jalan Raya mencapai 4,665 pelajar universiti dari tujuh universiti di seluruh Malaysia. Sejak dilancarkan pada tahun 2014, program ini telah mencapai hampir 8,000 pelajar dari universiti-universiti tempatan.

"Kami diinspirasikan untuk menjangkau lebih banyak pelajar untuk menggalakkan amalan keselamatan jalan raya yang baik. Kami atribut kejayaan program kami kepada kerjasama kuat bersama Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, universiti-universiti yang terlibat, dan rakan kongsi dalam perkongsian etika jalan raya dan pemanduan bertanggungjawab bersama pelajar," kata Lokman.

Program Keselamatan Jalan Raya Petron adalah selaras dengan objektif *United Nations Decade of Action for Road Safety 2011-2020*, sebuah advokasi global yang menggalakkan pemanduan yang selamat melalui pematuhan undang-undang lalu lintas yang ketat, penggunaan tali pinggang keledar, pemakainan topi keledar yang sesuai untuk penunggang motosikal, dan lain-lain.

(Tamat)

#### **Tentang Petron Malaysia**

Petron Malaysia merupakan sebuah syarikat terkemuka di Malaysia dalam pasaran minyak hiliran. Kilang Penapisan Petron di Port Dickson menghasilkan pelbagai bahan api bertaraf dunia yang diedarkan melalui 8 terminal strategik di seluruh Negara. Petron Malaysia menawarkan bahan api premium seperti Blaze 100 Euro 4M, Blaze 97 Euro 4M, Blaze 95, Turbo Diesel Euro 5 dan Diesel Max melalui lebih 600 stesen minyak di seluruh Negara. Petron komited dengan visinya untuk menjadi pembekal terkemuka dalam memberikan penyelesaian untuk pelanggan dalam sektor minyak dan perniagaan yang berkaitan. Sila lawati [petron.com.my](http://petron.com.my)

Hubungi Suraya Haris Ong, Jabatan Hal Ehwal Korporat, Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd di talian +603-2082 8652 / 012-3680346 atau email di [suraya.haris@petron.com.my](mailto:suraya.haris@petron.com.my)